

Desak henti projek di kawasan kerap banjir kilat

[FOTO DANIAL SAAD/BH]



Kejadian banjir kilat di Jalan Dato Ismail Hashim, Bayan Baru, selepas hujan lebat pada Sabtu.

Georgetown: Kerajaan DAP Pulau Pinang semalam, didesak mengeluarkan arahan pemberhentian kerja sementara membabitkan semua projek pembangunan yang sedang berjalan khususnya di kawasan kerap mengalami banjir kilat di negeri ini.

Presiden Sahabat Alam Malaysia (SAM), SM Mohamed Idris, berkata satu tindakan drastik dan langkah jangka pendek perlu diambil kerajaan negeri bagi mengatasi masalah banjir kilat yang kerap berlaku terutama ketika musim hujan, termasuk kejadian terbaru, Sabtu lalu.

Katanya, hasil pemantauan dijalankan mendapati, bencana berkenaan bukan sahaja berulang lebih kerap, tetapi semakin buruk, sekali gus boleh dikaitkan dengan aktiviti pembangunan tidak terkawal termasuk di kawasan lereng bukit serta masalah sistem perparitan.

“Dalam kejadian banjir kilat Sabtu lalu, SAM turun padang selepas menerima aduan pengguna dan lebih memeranjatkan ada antara kawasan yang sebelum ini jarang dilanda banjir turut terjejas seperti

di Jalan Masjid Negeri, Relau dan Bayan Baru.

“Kebanyakan penduduk yang ditemui melahirkan rasa bimbang dengan keadaan yang berlaku dan mereka kini seolah trauma dengan hujan lebat. Kerajaan negeri perlu cari jalan penyelesaian segera jangan hanya tunggu dan bincang kerana ini bukan kejadian kali pertama,” katanya ketika dihubungi BH di sini, semalam.

Peralatan rumah rosak

Sementara itu, penduduk di Jalan P Ramlee, Mohd Halim Othman, 46, berkata tahun lalu rumahnya lebih empat kali dinaiki air termasuk sehingga paras dada orang dewasa, sekali gus menyebabkan banyak peralatan elektrik termasuk perabot rosak.

“Kejadian Sabtu lalu, adalah yang pertama bagi tahun ini dan saya tidak tahu berapa kali lagi saya dan keluarga perlu hadapi masalah ini dan kami sudah bosan dengan ‘langkah penyelesaian’ kerajaan negeri. Tambahan pula ada projek perumahan baharu yang sedang rancak dibina berdekatan rumah saya,” katanya.